

BAHAGIAN A


Jawab semua soalan.

1. Maklumat berikut mengenai arah mata angin.

- Barat
 - Selatan

Apakah arah mata angin tersebut?

- A Utama
 - B Pertama
 - C Perantaraan
 - D Pertengahan
2. Apakah arah mata angin yang terletak di antara selatan dengan barat?
- A Tenggara
 - B Barat laut
 - C Timur laut
 - D Barat daya
3. Antara berikut, yang manakah ialah arah mata angin perantaraan?
- I Timur
 - II Utara
 - III Tenggara
 - IV Barat laut
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
4. Faudzy berjalan membelakangkan arah matahari terbit. Ke arah manakah dia hendak pergi?
- A Utara
 - B Barat
 - C Timur
 - D Tenggara
5. Rajah 1 menunjukkan arah mata angin.



Rajah 1

Apakah arah mata angin di X?

- A Selatan
- C Timur laut
- B Tenggara
- D Barat laut

6. Mengapakah jarum kompas sentiasa menunjukkan arah utara?

- A Ditarik oleh objek rujukan
- B Ditarik oleh pancaran matahari
- C Ditarik oleh magnet dari kutub utara bumi
- D Terletak di atas suatu permukaan yang rata

7. Apakah cara untuk menentukan arah dengan tepat pada zaman dahulu?

- I Kedudukan matahari
 - II Berpandukan buruj
 - III Arah tiupan angin
 - IV Bentuk awan
- A I dan II
 - C II dan III
 - B I dan IV
 - D III dan IV

8. Apakah unit yang digunakan dalam bearing?

- A Meter (m)
- C Gram (g)
- B Darjah (°)
- D Liter (l)

9. Alatan yang paling sesuai digunakan untuk mengukur bearing sudutan ialah
A pembaris. **C** jangka tolak.
B jangka lukis. **D** jangka sudut.

10. Antara berikut, yang manakah adalah maksud bearing sudutan?
A Bearing yang diukur dari arah utara mengikut arah pusingan jam
B Bearing yang diukur dari arah selatan mengikut arah pusingan jam
C Bearing yang diukur dari arah utara ke arah timur
D Bearing yang diukur dari arah selatan ke arah barat

Soalan 11 dan 12 berdasarkan Rajah 2 di bawah.




Rajah 2

11. Apakah arah hutan dari kedudukan kompas?
A Utara
B Selatan
C Barat laut
D Barat daya
12. Antara berikut, pasangan yang manakah betul?

	Objek	Arah
A	Sekolah	Timur
B	Pasar raya	Barat
C	Pejabat pos	Barat laut
D	Klinik	Timur laut

13. Rajah 3 menunjukkan bearing sudutan titik **A** dan titik **B**.




Rajah 3

Berapakah bearing sudutan titik **B** dari titik rujukan di titik **A**?

- A** 30° **C** 210°
B 60° **D** 240°

Soalan 14 dan 15 berdasarkan Rajah 4 di bawah.



Rajah 4

14. Bearing sudutan rumah Devi dari sekolah ialah
A 20°
B 50°
C 70°
D 160°
15. Berapakah bearing sudutan sekolah dari rumah Joey?
A 40°
B 50°
C 130°
D 220°


Sudut Nota

► Bearing sukuan ialah bearing yang diukur dari arah utara atau selatan ke arah timur atau barat. Nilai bagi bearing sukuan adalah 0° hingga 90° sahaja.

BAHAGIAN B

Jawab semua soalan.

Soalan 1 berdasarkan Rajah 5 yang menunjukkan arah mata angin.



Rajah 5

1. (a) Nyatakan arah mata angin utama dalam Rajah 5. **SP 1.1.1**

P : _____

Q : _____

R : _____

S : _____

- (b) Nyatakan arah mata angin perantaraan dalam Rajah 5. **SP 1.1.1**

T : _____


U : _____

V : _____

W : _____

- (c) Terangkan **dua** cara yang digunakan oleh manusia pada zaman dahulu untuk menentukan arah.

Soalan 2 berdasarkan Peta 1 yang menunjukkan arah ~~mata~~ **mata angin** dan bearing.



Peta 1

2. (a) Nyatakan arah mata angin bagi tempat-tempat **yang** berikut. **SP 1.1.3**
- (i) Arah masjid dari kedai runcit : _____
 - (ii) Arah rumah Nabila dari Tasik Biru : _____
 - (iii) Arah sekolah dari Bukit Maju : _____
 - (iv) Arah hotel dari restoran : _____
- (b) Dengan menggunakan jambatan sebagai titik **rujukan**, nyatakan bearing sudutan bagi tempat-tempat yang berikut. **SP 1.1.4**
- (i) Sekolah : _____
 - (ii) Masjid : _____
 - (iii) Restoran : _____
 - (iv) Rumah Nabila : _____
- (c) Mengapakah kita boleh menggunakan kompas untuk mengukur **bearing** sudutan sesuatu tempat? **KBAT** Menganalisis
